

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
[PASIR MAS]**

TARIKH : 04 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

YB TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI (PASIR MAS) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk membuka semula siasatan kes rasuah melibatkan bekas Menteri Kewangan di dalam urusan jual beli banglo yang telah ditarik balik pendakwaan ketika pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan.

**JAWAPAN : YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN
UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kes banglo ini telah dimohon oleh Peguam Negara pada ketika itu untuk *DNAA (discharge not amounting to acquittal)*. DNAA bermaksud tertuduh dibebaskan tanpa dilepaskan dan bukan bermaksud pelepasan sepenuhnya. Namun demikian mahkamah setelah mendengar hujah pihak Peguam Negara terdapat *new lead*, mahkamah telah memberikan pelepasan sepenuhnya kepada tertuduh. Selepas itu Peguam Negara tidak lagi membuat apa-apa permohonan rayuan berhubung keputusan mahkamah.

2. SPRM adalah sebuah badan bebas dalam menjalankan penyiasatan terhadap kes-kes rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan. Tiada halangan untuk membuka semula siasatan sekiranya terdapat *fresh evidence* di dalam kes tersebut. Sekian, terima kasih.